



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 11 JULAI 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	IRAN BERHASRAT ADAKAN MoU DALAM BIDANG PERTANIAN - MOHAMAS SABU, ASTRO AWANI -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	ORCHARD OWNER SLAUGHTERS COW AFTER TIF WITH LIVESTOCK FARMER, NATION, THE STAR -9	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	TERNAKAN AKAN DITANDA UNTUK KESAN PEMILIK, SHAH ALAM, SH -26	
4.	SEMBELIH LEMBU CEROBOK KEBUN DURIAN, ALOR GAJAH, SH -27	
5.	SEMEBLIH LEMBU JIRAN ROSAKKAN TANAMAN, DALAM NEGERI, UM -33	
6.	'BEKALAN ADA, TAPI SAWAH KERING', LOKAL, HM -20	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
7.	40 PESAWAH MINTA IADA BEKAL PAM BERGERAK, NASIONAL, BH -18	
8.	TERUS LONJAK KEMAJUAN LUAR BANDAR, MEDIA DIGITAL JOHOR - ONLINE	LAIN-LAIN
9.	SEKTOR PERTANIAN MENINGKAT 7.5 PERATUS, TIMUR, HAKAKAH -17	
10.	RAJA BUAH 'TIDAK MENJADI' AKIBAT EL-NINO, NEGARA, KOSMO -15	
11.	PENGELUARAN DURIAN TERJEJAS AKIBAT EL-NINO?, DALAM NEGERI, UM -32	
12.	THE BROKEN RICE STORY, NEWS, NST -2	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/7/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

Iran berhasrat adakan MoU dalam bidang pertanian - Mohamad Sabu



Mohamad menerima kunjungan hormat Nasrabadi bersama delegasinya di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang, di Kuala Lumpur, 10 Julai 2024. - Facebook Mohamad Sabu

KUALA LUMPUR: Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kerajaan Iran berhasrat menjalinkan kerjasama dengan Malaysia menerusi Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang pertanian dan telah menghantar draf pertama kepada pihak kementerian.

Mohamad berkata, beliau amat yakin dan percaya bahawa MoU itu akan menyediakan asas yang kukuh untuk meningkatkan kerjasama antara Malaysia dan Iran dalam bidang berkenaan.

"Saya amat gembira menantikan kerjasama ini terhasil kerana manfaat yang cukup besar akan dapat diberikan kepada kedua-dua negara," katanya dalam satu hantaran di Facebooknya.

Mohamad berkata beliau dimaklumkan mengenai perkara itu semasa menerima kunjungan hormat Duta Besar Republik Islam Iran ke Malaysia, Valiollah Mohammadi Nasrabadi dan delegasinya di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang, di sini, semalam.

Katanya, pada pertemuan berkenaan, beliau turut memaklumkan kepada Nasrabadi bahawa pihak kementerian melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) masih menunggu maklum balas positif daripada pihak Iran untuk kelulusan mengimport ayam Aria.

Beliau turut memohon kerjasama Nasrabadi untuk memudahkan urusan berkenaan.

Dalam pada itu, Mohamad menzahirkan ucapan tahniah kepada Presiden Republik Islam Iran, Dr Masoud Pezeshkian atas kemenangannya pada pilihan raya baru-baru ini.

"Saya percaya hubungan erat yang sedia ada antara kedua-dua negara akan diteruskan di bawah kerajaan baharu ini," katanya.

Selain itu, beliau turut menjemput Nasrabadi dan delegasinya untuk menyertai Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2024 yang akan berlangsung di Serdang, Selangor pada 11 hingga 22 Sept ini.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/7/2024	THE STAR	NATION	9

Orchard owner slaughters cow after tiff with livestock farmer

ALOR GAJAH: Furious that a herd of cows damaged her durian orchard, an elderly woman caught one of them and slaughtered it before sharing the meat with her fellow villagers.

The 69-year-old from Kampung Asli Kubang Badak in Tebong here was detained following a police report lodged by a 38-year-old livestock farmer on July 5.

Also nabbed was a 30-year-old Indonesian man, who allegedly butchered the animal.

Alor Gajah OCPD Supt Ashari Ab Samah said the woman claimed that she was angry after her durian orchard was damaged by the cattle.

"We are also investigating whether the two suspects are responsible for the mysterious disappearance of 20 more cows belonging to the same farmer since last year," he said yesterday.

Supt Ashari said the farmer found the slaughtered cow's head at the woman's durian orchard while searching for his missing livestock.

He identified the animal through an ear tag provided by the state Veterinary Services Department. The farmer sustained losses close to RM3,000.

Both suspects have been remanded until July 12 to assist investigations under Section 379 of the Penal Code for theft and Section 428 of the Penal Code for maiming animals.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/7/2024	SINAR HARIAN	SHAH ALAM	26

Ternakan akan ditanda untuk kesan pemilik

Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau 1971 akan ditambah baik

SHAH ALAM



Ternakan lembu dan kerbau di Selangor akan diberikan tanda pengenalan bagi memudahkan proses pengesanan pemilik serta pendakwaan di mahkamah sekiranya berlaku kemalangan membabitkan haiwan berkenaan yang berkeliaran.

Exco Infrastruktur dan Pertanian negeri Izham Hashim berkata, perkara berkenaan antara tiga komponen diteliti dalam pemindaan Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau 1971 yang ketika ini dianggap mempunyai kelemahan dalam menangani hal itu.

"Isu lembu rayau (berkeliaran) ini isu besar dan penting yang harus diselesaikan dengan kita tidak boleh membiarkan lembu dan kerbau merayau sehingga memasuki pasar raya, hospital dan jalan raya.

"Memang kena buat penandaan sebab sekarang tidak ada peruntukan berkaitan dengan-

nya. Pengenalan ini bukan sahaja dapat mengenal pasti pemilik tetapi boleh jadi bahan bukti di mahkamah," katanya pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di sini pada Rabu.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Harrison Hassan (**PN-Jeram**) sama ada kerajaan negeri akan melakukan penandaan kepada haiwan ternakan susulan lebih 10 kes kemalangan maut berlaku di Jeram, Kuala Selangor sejak setahun lalu.



IZHAM

Izham berkata, penambahbaikan itu akan dilakukan dari segi syarat lesenan yang lebih teratur, penalti, bayaran serta kawasan bagi penternakan berkenaan.

Beliau berkata sekiranya pemohon tidak mempunyai tempat untuk memelihara haiwan itu, kerajaan negeri menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) tidak akan mengeluarkan lesen.

"Semua pematuhan ini juga disertakan sekali terhadap Undang-Undang Kecil (UKK) di bawah pihak berkuasa tempatan," katanya.

Izham berkata, kelemahan enakmen itu sedang diteliti menerusi draf pindaan yang disediakan JPV supaya tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanakan lebih teratur sebelum 31 Disember ini selepas mendapat kelulusan dan kajian oleh Penasihat Undang-Undang Negeri. - *Bernama*

11/7/2024

SINAR

27

HARIAN

ALOR GAJAH

Sembelih lembu ceroboh kebun durian

Wanita warga emas, menantu rakan mengaku agih daging kepada penduduk kampung

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI
ALOR GAJAH

Berang kerana temakan lembu milik orang lain merosakkan kebun durianya, seorang wanita warga emas dengan menantu rakan berdebat menyembelih haiwan berkenaan.

Daging haiwan tersebut kemudiannya telah diagihkan kepada penduduk di Kampung Orang Asli Kubang Badak, Tebong di sini.

Bagaimanapun, perbuatan suspek berusia 69 tahun itu dan menantu rakan yang merupakan lelaki warga Indonesia berusia 30-an terbongkar selepas

pemilik lembu berkenaan menjumpai kepala haiwan itu yang sudah disembelih di kebun durian milik suspek.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintenden Ashari Abu Samah berkata, pihaknya menerima laporan daripada seorang lelaki berusia 38 tahun pada jam 8.54 malam, Jumaat lalu berhubung kehilangan seekor lembunya.

"Pengadu memberitahu seekor dari 84 ekor lembu ternakannya telah hilang yang disyaki berlaku sekitar jam 5.30 petang 4 Julai lalu sehingga 6.30 petang Jumaat lalu.

"Ketika sedang mencari haiwan tersebut, dia terkejut apabila menjumpai satu kepala lembu mempunyai tag bernombor di telinga dikeluarkan Jabatan Veterinar yang merupakan miliknya berada di kebun durian suspek," katanya kepada penerbit pada Rabu.

Menurutnya, lelaki itu kemudiannya telah pergi ke rumah pemilik kebun terbabit bagi bertanyakan mengenai

perkara berkenaan.

Ujarnya, wanita itu mengaku lembu berkenaan telah disembelih oleh menantu rakaninya.

"Ia kerana dia mendakwa haiwan itu telah menceroboh dan merosakkan kebun durianya.

"Berikutan itu, pengadu telah membuat laporan polis dan kejadian itu telah menyebabkannya kerugian kira-kira RM3,000," katanya.

Beliau berkata, pengadu turut mendakwa kira-kira 20 ekor lembu ternakannya telah hilang sejak setahun lalu.

Kata Ashari, bertindak hasil laporan polis diterima, wanita dan lelaki berkenaan ditahan di rumahnya kira-kira jam 7.30 malam pada Sabtu lalu.

"Hasil siasatan, suspek turut mengaku daging lembu yang disembelih itu telah diagih kepada penduduk kampung.

"Wanita warga emas berkenaan telah ditahan direman sehingga Rabu, manakala lelaki warga Indonesia sehingga 12 Julai bagi membantu siasatan," katanya.



Kepala lembu mempunyai tag bernombor di telinga jabatan Veterinar ditemukan pengadu di kebun durian suspek.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/7/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

Sembelih lembu jiran rosakkan tanaman

ALOR GAJAH: Polis menahan seorang wanita warga emas berusia 69 tahun bersama seorang lelaki warga Indonesia berumur dalam lingkungan 30-an, selepas disyaki terlibat dalam kes curi seekor lembu dan menyembelih haiwan itu di Kampung Orang Asli Kubang Badak, Tebong di sini, Jumaat lalu.

Warga emas itu tamat reman semalam manakala warga Indonesia yang juga menantu rakannya direman sehingga Jumaat bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 379 dan Seksyen 428 Kanun Keseksaan.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintenden Ashari Abu Samah berkata, tangkapan dibuat susulan laporan dibuat seorang penternak berusia 38 tahun yang mendakwa, kedua-dua suspek terlibat mencuri dan menyembelih lembu miliknya.

Katanya, pada hari kejadian, pengadu telah mencari seekor lembunya yang didapati hilang sebelum menemui kepala haiwan itu di hadapan kebun durian milik suspek wanita.

“Semasa pengadu melalui kawasan Kampung Orang Asli Kubang Badak, dia telah ternampak satu kepala lembu berwarna coklat tanpa badan yang bertanda ‘A143229’ yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.”

“Pengadu berjumpa pemilik tanah tersebut iaitu suspek wanita, dia mengaku lembu tersebut telah disembelih oleh menantu rakannya kerana mendakwa ia telah merosakkan tanaman duriannya.

“Pengadu tidak berpuas hati dengan tindakan yang dilakukan kerana sebelum ini banyak lembunya telah hilang, anggaran sebanyak 20 ekor yang bertanda daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar,” katanya.

Tambah Ashari, hasil soal siasat mendapati, kedua-dua suspek memaklumkan bahawa daging lembu yang disembelih telah diagihkan kepada penduduk kampung.

'Bekalan ada, tapi sawah kering'

Seramai 40 pesawah usaha 350 hektar tanah rayu IADA selesai masalah air elak kerugian berulang

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
am@hmmetro.com.my

Bachok

Seramai 40 pesawah membabitkan tiga kawasan di sini yang mengusahakan 350 hektar sawah padi merayu pihak Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) menyelesaikan masalah air.

Ini kerana penduduk mendakwa, bekalan air di kawasan berkenaan ada namun tidak dapat dibekalkan kepada sawah padi disebabkan paras air Sungai Kemasin yang rendah.

Pesawah turut mendakwa pihak IADA tidak turun padang untuk berbincang bagi menangani masalah yang berlaku, sedangkan musim lalu mereka berdepan kerugian lebih RM300,000.

Pengerusi Persatuan Pesawah Kelantan (PESAK) Zuhair Ismail berkata, tiga kawasan yang berdepan masalah air berdepan Ke-11, Kuau Hulu dan Kuau Hilir yang membabitkan sawah seluas 350 hektar.

"Sudah tiga musim pesawah berdepan kerugian, malah musim lalu 90 peratus hasil tanaman tidak dapat dituai akibat kemarau

yang semakin rendah.


"Sebelum ini, jarang kawasan kami berdepan masalah dan saya berharap pihak yang bertanggungjawab tampil memantau masalah pesawah.

"Turun lihat apa masalah kami, pendapati penduduk kampung hanya bergantung kepada hasil padi, sedangkan kami sudah berdepan kerugian sejak tiga musim lalu.

"Untuk jangka masa pendek, pam mudah alih mungkin dapat membantu untuk menyalurkan bekalan air ke-11 pada sawah," katanya yang sudah mengalami kerugian RM20,000.

Rakannya, Mazlan Sulaiman, 60, berkata, sekiranya masalah itu tidak dapat diselesaikan dalam masa terdekat, bermakna mereka tidak dapat menanam padi tahun ini.

"Ini sudah masuk Julai dan sekiranya masih tidak selesai sudah pasti kami tidak dapat menanam padi tidak lama lagi musim tengkujuh pula," katanya.



PESAWAH menunjukkan bendang yang kering dan padi yang rosak apabila berdepan dengan masalah air. Gambar kecil, pesawah menunjukkan aliran air yang kering. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

menyebabkan pesawah menanggung kerugian besar.

"Sedangkan di sekeliling kawasan bendang ini adalah Sungai Kemasin dan bekalan air masih ada, bukannya kering kontang sehingga

bagaimana kawasan lain.

"Justeru, kita merayu pihak IADA turun padang dan membekalkan pesawah dengan pam bergerak bagi menggerakkan air dari bendang berdekatan.

"Sehingga kini, sebahagian pesawah sudah melakukan proses membajak dan kini hanya menunggu bekalan air sebelum proses tabur benih dilakukan," katanya ketika ditemui di si-

ni, semalam.

Pesawah, Muhammad Suhairul Azwan Awang, 37, berkata, pam statik yang sedia ada di rumah pam kini tidak lagi mampu menyedut air disebabkan paras air

40 pesawah minta IADA bekal pam bergerak

Masalah air
punca petani
rugi sejak
tiga musim

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@nstrp.com.my

Bachok: Seramai 40 pesawah membabitkan tiga kawasan di sini yang mengusahakan 350 hektar sawah padi merayu pihak Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) menyelesaikan masalah air.

Ini kerana penduduk mendakwa, bekalan air di kawasan berkenaan ada namun tidak dapat dibekalkan kepada sawah padi disebabkan paras air Sungai Ke-

masin yang rendah.

Pesawah turut mendakwa, pihak IADA tidak turun padang untuk berbincang bagi menanganai masalah yang berlaku, sedangkan musim lalu mereka berdepan kerugian lebih RM300,000.

Pengerusi Persatuan Pesawah Kelantan (PESAK), Zuhair Ismail, berkata tiga kawasan yang berdepan masalah air adalah bendang Keluak, Kuau Hulu dan Kuau Hilir yang membabitkan sawah seluas 350 hektar.

"Sudah tiga musim pesawah berdepan kerugian, malah musim lalu 90 peratus hasil tanaman tidak dapat dituai akibat kemarau yang menyebabkan pesawah menanggung kerugian besar.

"Sedangkan di sekeliling kawasan bendang ini adalah Sungai Kemasin dan bekalan air

masih ada, bukannya kering kontang sebagaimana kawasan lain.

"Justeru, kita merayu pihak IADA turun padang dan membekalkan pesawah dengan pam bergerak bagi mengepam air dari sungai berdekatan.

"Selingga kini, sebahagian pesawah sudah melakukan proses membajak dan kini hanya menunggu bekalan air sebelum proses tabur benih dilakukan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Paras air rendah

Pesawah, Muhammad Suhaizul Azwan Awang, 37, berkata pam statik yang sedia ada di rumah pam kini tidak lagi mampu menyedut air disebabkan paras air yang semakin rendah.

"Sebelum ini jarang kawasan kami berdepan masalah dan saya berharap pihak yang bertang-



Pesawah menunjukkan bendang yang kering kerana berdepan dengan masalah air. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)



Muhammad Suhaizul Azwan bersama sebahagian pesawah menunjukkan pam statik yang tidak lagi mampu membekalkan air disebabkan paras air yang semakin rendah.

gungjawab tampil memantau masalah pesawah.

"Turun lihat apa masalah kami, mendapatkan penduduk kampung hanya bergantung kepada hasil padi, sedangkan kami sudah berdepan kerugian sejak tiga musim lalu.

"Untuk jangka masa pendek, pam mudah alih mungkin dapat membantu untuk menyalurkan bekalan air kepada sawah," katanya yang sudah mengalami kerugian RM20,000.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/7/2024	MEDIA DIGITAL JOHOR	ONLINE	

TERUS LONJAK KEMAJUAN LUAR BANDAR



*YB Dato' Zahari Sarip, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor mempengerusikan Sesi Townhall : Memperkasa Ekonomi Melayu (Sektor Pertanian dan Kemajuan Luar Bandar).
/ Foto ihsan Facebook Zahari Sarip*

Kerajaan Negeri komited untuk terus memperkasakan sosioekonomi masyarakat luar bandar secara holistik termasuklah dalam sektor pertanian yang menjadi antara agenda signifikan bagi merealisasikan aspirasi menjadikan Johor sebagai negeri maju menjelang tahun 2030.

Bagi tujuan berkenaan, telah berlangsungnya Sesi Townhall : Memperkasa Ekonomi Melayu (Sektor Pertanian dan Kemajuan Luar Bandar) yang diadakan sempena Konvensyen Melayu Johor 2024 dan Persediaan Belanjawan Johor 2025 di Pusat Pertanian Ayer Hitam, Batu Pahat yang dihadiri YB Dato' Zahari Sarip, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor.

Sesi yang disertai kira-kira 300 peserta terdiri daripada penggerak sektor pertanian Negeri Johor iaitu golongan petani, penternak, nelayan, usahawan serta ketua-ketua kampung menjadi platform perkongsian idea dan pandangan kepada Kerajaan Negeri bagi merencanakan inisiatif seterusnya menghasilkan belanjawan bersifat holistik.

Selain itu, sesi yang sama juga menjadi landasan kepada pakar daripada jabatan dan agensi kerajaan serta pihak swasta memberikan input bagi menjayakan agenda periuk nasi selatan serta mengukuhkan keterjaminan makanan di negeri ini yang menjadi keutamaan Kerajaan Negeri.

Malah peruntukan signifikan berjumlah RM70.71 juta daripada Kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) kepada Kerajaan Negeri untuk memperkasa pembangunan meliputi sektor ternakan, tanaman, akuakultur disambut baik dan dihargai oleh kumpulan usahawan agro Johor.

#BangsaJohor
#MediaDigitalJohor
#SahihTepatPantas
#MajuJohor

Sektor pertanian meningkat 7.5 peratus

Oleh **NOR HAZWANI NOH**

KUALA TERENGGANU: Sektor pertanian Terengganu mencatat peningkatan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 7.5 peratus.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, sektor pertanian menyumbang sebanyak RM2.9 bilion.

Katanya, KDNK Terengganu tahun 2023 berjumlah RM38.2 bilion, berbanding RM37.4 bilion pada 2022, berlaku peningkatan sebanyak 2.3 peratus.

"Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar KDNK dengan 52 peratus, diikuti sektor pembuatan



Dr Azman Ibrahim

36.9 peratus dan sektor pertanian sebanyak 7.5 peratus," katanya pada hantaran di laman Facebooknya.

Dr Azman juga berkata, sektor perlombongan dan peng-

kuarian mencatat peningkatan sebanyak 5.3 peratus, sektor perkhidmatan (3.1 peratus), pembinaan (1.6 peratus) dan sektor pembuatan (0.2 peratus).

Kata beliau juga usaha memartabatkan sektor pertanian tidak dipandang sebelah mata kerana ia menjadi penyumbang utama kepada peningkatan KDNK Terengganu.

"Usaha keras dalam tempoh lima tahun mengangkat sektor pertanian dari prestasi KDNK 2.5 peratus pada 2018 kepada 6 peratus pada 2019 dan 2023 menyumbang sebanyak 7.5 peratus kepada KDNK negeri.

"Kerajaan negeri menysar 10 peratus, namun graf peningkatan menunjukkan unjuran positif setiap tahun," katanya.

Raja buah 'tidak menjadi' akibat El Nino

PONTIAN – Kira-kira 50 peratus pengeluaran buah durian di 'lembah durian' di Pekan Nanas, di sini terjejas berikutan buah-buah tersebut dalam keadaan lembap dan tidak boleh dimakan.

'Lembah Durian' yang dimaksudkan ialah di Kampung Sawah, Kampung Bakar Arang, Kampung Air Putih, Kampung Melayu Raya, Kampung Pak Khalib, Kampung Maju dan Kampung Sepakat Jaya.

Seorang pemilik dusun di Kampung Melayu Raya, A. Azmi Mohamed, 53, berkata, durian yang mula gugur pada penghujung Jun hanya bertahan selama 10 hari berbanding tiga hingga empat minggu sebelum ini.

Dia yang memiliki dusun durian seluas 4.4 hektar dengan 140 pokok durian hanya mampu melihat buah-buah yang rosak dan gugur sebelum sampai waktunya untuk dipasarkan.

"Daripada 140 pokok durian, hanya separuh yang berbuah, separuh pula ada masalah buah yang kehitam-hitaman dan lembap," katanya ketika ditemui semalam.

Katanya, dia seperti pemilik dusun lain tidak mengetahui punca berlakunya keadaan seperti itu mungkin disebabkan keadaan cuaca yang tidak menentu dengan hujan dan panas.

"Tidak pernah berlaku keadaan seperti itu dan situasi tersebut telah menjejaskan pendapatan pe-

milik dusun yang menyifatkan musim durian sebagai bonus tahunan mereka," ujarnya.

Sebelum ini media melaporkan Fenomena El Nino yang berterusan memberi kesan terhadap pengeluaran buah durian, malah pekebun menjangkakan berlaku peningkatan harga ekoran kekurangan buah pada musim ini.

Seorang lagi pekebun durian, Ayob Ketot, 73 pemilik dusun durian Tok Ayob di Kampung Air Putih, Pekan Nanas juga menghadapi masalah yang sama apabila pengeluarannya turut terjejas tahun ini.

"Daripada 54 batang pokok durian kampung yang ditanam atas tanah seluas 1.2 hektar, separuh daripadanya mengalami masalah tersebut tahun ini.

"Bagi menampung kekurangan durian, saya membawa masuk durian dari luar seperti musang king, durian kahwin dan durian udang merah bagi memenuhi permintaan pelanggan," ujarnya.

Ayob berkata, masalah yang berlakunya turut menjejaskan ramai pemilik dusun durian di Pekan Nanas yang merupakan lokasi tumpuan pengemar durian segar pada hujung minggu dan cuti umum termasuk pengunjung dari Singapura.

A. AZMI menunjukkan isi durian kampung yang menjadi selepas terkesan fenomena El Nino di Kampung Melayu Raya, Pekan Nanas, Pontian semalam.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/7/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32



A. AZMI Mohamed menunjukkan durian kampung yang dijual, namun mengakui pengeluarannya terjejas akibat cuaca yang tidak menentu di Kampung Melayu Raya, Pekan Nanas, Pontian.

Pengeluaran durian terjejas akibat El-Nino?

Oleh MUHAMMAD ZIKRI
utusannews@mediamula.com.my

PONTIAN: Para pekebun durian di beberapa kampung di sini, khususnya di Pekan Nanas yang sinonim dipanggil 'lembah durian' mendakwa pengeluaran raja buah berkenaan terjejas 50 peratus musim ini akibat cuaca yang tidak menentu.

Antara pekebun yang terjejas adalah di Kampung Sawah, Kampung Bakar Arang, Kampung Air Putih, Kampung Melayu Raya, Kampung Pak Khalib, Kampung Maju dan Kampung Sepakat Jaya.

Seorang pekebun di Kampung Melayu Raya, A. Azmi Mohamed, 53, berkata, durian yang mula gugur pada penghujung bulan Jun hanya bertahan selama 10 hari berbanding tiga hingga empat minggu sebelum ini.

"Daripada 140 pokok durian di tanah seluas 4.4 hektar, hanya separuh yang berbuah, manakala separuh lagi mengalami masalah buah yang kehitaman dan lembap," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

A. Azmi, seperti juga pemilik dusun lain tidak mengetahui punca berlakunya keadaan itu, namun menjangkakan keadaan itu disebabkan cuaca yang tidak menentu dengan hujan dan panas secara berlebihan.

"Tidak pernah berlaku ke-

adaan seperti itu dan situasi tersebut telah menjejaskan pendapatan pemilik dusun yang menyifatkan musim durian sebagai 'bonus' tahunan," katanya.

Sebelum ini media melaporkan fenomena El Nino yang berterusan memberi kesan terhadap pengeluaran buah durian, malah pekebun menjangkakan berlaku peningkatan harga ekoran kekurangan buah pada musim ini.

Kedadaan cuaca panas serta taburan hujan yang tidak menentu menyebabkan sebahagian besar bunga durian menjadi kering, malah buahnya cepat gugur sebelum matang.

Seorang lagi pekebun durian, Ayob Ketot, 73, di Kampung Air Putih turut menghadapi masalah sama apabila pengeluarannya turut terjejas, iaitu daripada 54 pokok durian kampung yang ada, separuh mengalami masalah sama.

"Bagi menampung kekurangan durian, saya membawa masuk durian dari luar seperti musang king, durian kahwin dan udang merah untuk memenuhi permintaan pelanggan," katanya yang memaklumkan masalah itu turut menjejaskan ramai pemilik dusun di Pekan Nanas yang merupakan lokasi tumpuan penggemar durian segar pada hujung minggu serta cuti umum.

The broken rice story

Can MyCC put the 'Humpty Dumpty' together again?

ALLEGATIONS of cartels operating in the rice industry are not uncommon. As quickly as the allegations are made, they are denied by the authorities. But cartels aren't the only problem for the rice industry. Our staple diet industry has numerous other issues. We will soon know the gamut when the Malaysia Competition Commission (MyCC) completes its farm-to-fork study, estimated to be completed by the end of September. To date, more than 150 people with interests in the industry have been interviewed. By the time the study is completed, seed distributors, fertiliser suppliers, equipment providers, farmers, grain collectors, millers, wholesalers and retailers are expected to be interviewed. To our knowledge, this is the first time the entire rice supply chain is under the microscope of any one authority, though other studies of similar nature were conducted for a limited purpose. What has come of them remains a mystery. MyCC isn't ready to divulge more, as there are still some grounds to cover over the next 2½ months. We are glad that, finally, our regulators have started to pin down the industry's issues for good. Problems abound throughout the supply chain, and it is about time the fog is cleared.

Consider the farmers, without whom the rice industry wouldn't exist. When prices rise — they do every once in a while — consumers tend to put the blame on the farmers. The truth is, not much of what consumers pay retailers goes to the

Something urgently needs to be done before our food security is threatened.

purses of farmers. The extra money just doesn't make it to the farm gate. Call it a loss in transition. The MyCC study must not miss the reason why this happens. MyCC's boots on the rice fields will surely help uncover this. Farmers' wellbeing is as important as rice supply. If we do not ensure that the farmers get what they justly deserve, they will soon begin to hang up their

hoses. Malaysia has been revising its self-sufficiency level from around 90 per cent in the 1960s downward to about 65 per cent today. The rest is imported, mainly from Thailand, Vietnam, Pakistan and India. Importing rice comes with its own dangers, but that is a Leader for another time. The rice bowl is rapidly shrinking. Something urgently needs to be done before our food security is threatened. And no "eat tapioca" advice, please.

We hope the MyCC study brings change to the rice industry in some major ways. The laments from everyone on the farm-to-fork spectrum are decades old. We have just ambled along, problems and all. Will this time be any different? We sure hope so. Understandably, Malaysians will be pinning their hopes on the MyCC study to cure some of the industry's ailments, if not all. But quick fixes are the last thing on MyCC's mind, we are told. Expect the cure to come in three buckets: immediate, medium and long term. Given that the issues that the industry is up against aren't just restricted to anti-competition, the ambit of MyCC, issue buckets may get passed on to other agencies. But the signal coming out of MyCC is that, with a few exceptions, many across the supply chain need to buck up. Not surprising. Like rice, complacency has become a staple diet.